

01/01/1999

MCA azam kekalkan kestabilan

KUALA LUMPUR, Khamis - MCA akan menjadikan usaha mengekalkan kestabilan parti serta keharmonian dan perpaduan ahli sebagai agenda utamanya sempena tahun baru 1999 serta ulang tahun ke-50 penubuhannya, Februari depan.

Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata MCA juga mahu terus mengeratkan hubungan dengan parti kaum Cina yang lain serta komited menganjurkan pelbagai kegiatan demi kepentingan ahli.

"Tahun 1998 disifatkan tahun yang amat berjaya. Parti terus stabil, harmoni dan ahli terus bersatu-padu."

"Parti juga bekerjasama dengan pelbagai pertubuhan, dewan perniagaan, persatuan, malah pemilik kedai kopi."

"Pendekatan sedemikian akan diteruskan dalam agenda perjuangan 1999," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Presiden MCA di sini, hari ini.

Dr Ling berkata, banyak projek konstruktif berjaya dianjurkan parti sepanjang 1998 merangkumi pelbagai bidang termasuk teknologi maklumat, pendidikan, falsafah hidup dan ekonomi.

"Pimpinan parti akan terus mengumpul tenaga serta usaha menganjurkan projek seumpama itu kerana ia memberi manfaat kepada ahli," katanya.

Persiapan juga dibuat bagi meraikan sambutan ulang tahun ke-50 MCA pada 27 Februari depan.

"MCA terus kukuh sehingga hari ini dan atas sokongan ahli yang memberi kepercayaan kepada sekumpulan manusia untuk menerajui parti itu," katanya.

Sementara itu, MCA sudah membuat persiapan menghadapi pemilihan parti dengan menyediakan jadual yang akan diedarkan kepada cawangan, bahagian dan negeri tidak lama lagi.

"Mesyuarat meluluskan cadangan mengadakan perhimpunan agung MCA selama tiga hari mulai 16 Julai depan, tetapi ia perlu dirujuk kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Dr Ling berkata, semua pemimpin tertinggi akan menjelajah ke setiap negeri sebelum perhimpunan agung.

MCA juga berjaya menambah keahlian seramai 26,402 orang menjadikan ahli terkumpulnya kini sebanyak 838,140 orang di seluruh negara.

Mengenai kedudukan beliau dalam pemilihan parti tahun depan, Dr Ling berkata:

"Tidak ada manusia yang sempurna. Tetapi apabila kita meletakkan sekumpulan manusia bekerja bersama, beri kekuatan bersama serta saling mengatasi kelemahan, sudah pasti kita akan mendapat kumpulan yang kuat."

(END)